

**TEKS UCAPAN DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
SERI PERDANA, PUTRAJAYA
MAJLIS PENYAMPAIAN BUNGKUSAN HARI RAYA OLEH BAKTI KEPADA
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
24 NOVEMBER 2001**

Izinkan saya bagi pertama sekali memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana atas izinNya sahaja dapat kita bersua pada majlis yang hening ini. Selain daripada kita berpuasa pada bulan yang mulia ini, dapat pula BAKTI membuat sedikit kebajikan kepada Pasukan Keselamatan yang sedang berjuang mempertahankan negara kita yang tercinta.

2. Atas kehadiran semua yang berada dalam dewan ini, terimalah pantun dari saya:

Buah cermai lebat dibatang
Sayang selasih ditanak minyak
Beramai-ramai kemari datang
Terimakasih banyak-banyak

3. Seperti yang diketahui, majlis ini diadakan khas setiap ahun untuk menyampaikan bungkusan-bungkusan hadiah sumbangan Hari Raya dari BAKTI kepada semua Pasukan Keselamatan yang sedang bertugas samada dalam negeri mahupun di perbatasan negara dan luar negara.

4. Alhamdulillah, seperti tahun-tahun yang lepas, kali ini BAKTI dapat sekali lagi berbuat demikian walaupun sumbangan ini tidak seberapa namun diharap ia dapat sedikit sebanyak membantu kenangan berhari raya bersama keluarga:

Dahan meranti dahan cempaka
Disandar muatan di tepi paya
Sumbangan BAKTI tidak seberapa
Sekadar ingatan di Hari Raya

5. Sejumlah 20,650 bungkusan disediakan: 15,150 untuk ATM dan 5,500 kepada PDRM. Kepada semua yang akan menerima sumbangan BAKTI ini, terimalah dengan ucapan Selamat Hari Raya dari BAKTI.

Desiran ombak di waktu pagi
Arus lautan menyusur sepi
Pabila makan juadah ini

